

▼31/08/16-18MS*

CNS1162

R GB 31-08 00180 BC116

bah

Mahathir - Pelancong

USAHA TARIK PELANCONG TEMPATAN PERLU DIGANDAKAN, KATA MAHATHIR

KUCHING, 31 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihatkan para pengusaha hotel supaya menggandakan usaha menarik minat pelancong tempatan ke hotel-hotel mereka dan tidak hanya bergantung kepada pelancong luar negeri sebagai pelanggan.

Katanya kemerosotan ekonomi yang berlaku di beberapa negara lain sekarang boleh dijadikan ingatan bagi pengusaha menukar haluan dengan memberi tumpuan kepada pelancongan dalam negeri.

"Disebabkan itulah kita banyak membina hotel bertaraf tiga bintang di dalam negeri tetapi menyediakan perkhidmatan dan layanan bertaraf lima bintang," katanya ketika merasmikan Santubong Kuching Resort dekat pantai Damai kira-kira 33 kilometer dari sini hari ini.

Perdana Menteri berkata dengan cara itu juga rakyat boleh melancong ke seluruh negara bagi mengenali dan melihat sendiri keindahan yang terdapat di dalam negara sebelum melancong ke luar negeri.

Beliau berkata bagi menarik minat para pelancong khususnya dari barat, hotel perlulah mengekalkan khidmat dan layanan yang cemerlang sesuai dengan adat ketimuran yang tidak terdapat di negara asing. -- lagi

▼31/08/16-24MS*

R GB 31-08 00123 BC117

bah

Mahathir - Pelancong 2 (Akhir) Kuching

"Pelancong luar negeri masih mementingkan layanan dan perkhidmatan yang baik di hotel tempat mereka menginap dan pengusaha hotel perlu peka dan berusaha mengekalkan keadaan itu," katanya.

Menurut Dr Mahathir, selain usaha daripada pengusaha hotel, kerajaan juga terpaksa mengeluarkan belanja yang tinggi dalam usaha mempromosikan negara bagi menarik minat pelancong ke Malaysia.

Katanya kerajaan membelanjakan RM100 juta tahun lepas dan kira-kira RM100 juta lagi tahun ini bagi persediaan Tahun Melawat Malaysia tahun depan.

Menurutnya, disebabkan itulah kerajaan mengenakan cukai 30 peratus daripada keuntungan hotel dan pengusaha hotel perlulah menganggap kerajaan sebagai sebahagian daripada rakan kongsi yang berperanan membawa masuk para pelancong. -- Bernama

RAR RON

▼31/08/16-26MS*